

TARIKH : 5.8.2019 (ISNIN)
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

‘Jemaah Malaysia paling beruntung’

Layanan, urusan TH lebih teratur berbanding negara lain: PM

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

Sepang: Peranan besar Tabung Haji (TH) menjadikan jemaah haji Malaysia paling beruntung berbanding jemaah haji negara lain, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, layanan dan urusan haji lebih teratur kerana semuanya diuruskan dari awal hingga akhir oleh TH dan ia juga kini institusi pengurusan haji yang amat dekat dengan hati semua umat Islam Malaysia.

Katanya, sebelum ada TH, proses mengerjakan haji amat sukar dan panjang kerana terpaksa membeli kapal laut berbulan-bulan dan tiada tempat tinggal sempurna apabila tiba di Tanah Suci.

Tahniah atas pencapaian TH yang sentiasa berusaha memastikan urusan haji berjalan dengan baik.

“Saya percaya ia bukan tugas mudah kerana memerlukan perlotinan kepada semua peringkat persediaan, merangkumi keperluan jemaah haji sebelum berlepas, kebijakan mereka ketika di Tanah Suci sehingga kembali semula ke tanah air.

“Atas usaha yang diberi oleh TH, Malaysia berasa bangga menerima pujian dan pengiktirafan dari Kerajaan Arab Saudi dan negara Islam lain,” katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika berucap pada Majlis Mengucapkan Selamat Jalan Kepada Jemaah Haji Ke Tanah Suci di Kompleks TH di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof serta Duta Besar Arab Saudi ke Malaysia, Mahmoud Hussien Saeed Qattan.

Dr Mahathir hadir mengucapkan selamat jalan kepada 483 jemaah haji Malaysia dari kumpulan terakhir musim haji kali ini yang diajut berlepas ke Tanah Suci pada jam 6.20 petang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Perdana Menteri berkata, jemaah haji terpilih ke Tanah Suci tentu bersyukur kerana mendapat peluang menunaikan Rukun

Saya percaya ia bukan tugas mudah kerana memerlukan penelitian kepada semua peringkat persediaan, merangkumi keperluan jemaah haji sebelum berlepas, kebijakan mereka ketika di Tanah Suci sehingga kembali semula ke tanah air.

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

Islam Kelima itu kerana mereka antara jutaan umat Islam di Malaysia yang menyimpan hasrat menunaikan ibadat berkenaan.

“Alhamdulillah, doa tuan-tuan dan puan-puan telah dimakbulkan dan diberikan rezeki untuk ke sana. Saya berharap dapat menunaikan ibadat dengan sebaik-baiknya,” katanya.

Perdana Menteri berkata, haji adalah ibadat memerlukan kekuatan fizikal dan emosi yang mana ketika musim haji, jutaan umat Islam dari pelbagai negara berkumpul di Tanah Suci yang keadaannya pasti sesak, di samping cuaca panas.

Beliau berkata, jemaah perlu berulang-alik ke masjid selain tawaf, sai, melontar dan ibadat sunat yang memerlukan tubuh bahar dan sihat dan cergas.

“Saya ingin pesan supaya ikut segala nasihat dan panduan kesihatan serta amalan pemakanan disarankan TH dan Kementerian Kesihatan supaya tahap kesihatan sentiasa baik agar dapat melaksanakan ibadat dengan sempurna.

“Ibadat ini juga memerlukan jemaah lebih banyak bersabar, bertoleransi dan prihatin tanpa mengira warna kulit, bahasa, adat resam dan budaya,” katanya.

Beliau juga meminta jemaah agar mendokan Malaysia terus aman dan sejatera kerana halnya dengan keamanan, semua rakyat dapat melaksanakan ibadat menurut syariat dituntut Allah SWT dengan tenang tanpa bimbang atau takut.

Dr Mahathir turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kedutaan Arab Saudi di Malaysia atas kerjasama yang diberi, terutama berkaitan kebijakan jemaah haji Malaysia.